



# Peang Kean optimis

Wakil lawan pedang negara mahu capai 50% lagi persediaan di China

>> Oleh Wan Noriza Meor Idris

wannoriza@nstp.com.my

**W**AKIL tunggal lawan pedang ke Olimpik, Yu Peang Kean (gambar), berangkat menjalani latihan intensif ke Guangzhou, China, Ahad ini bagi menyahut cabaran negara membawa pulang pingat di London, Julai nanti.

Meskipun tidak dibekalkan dengan mana-mana kejohanan sejak kali terakhir beraksi di Sukan Sea, Indonesia,

tahun lalu, Peang Kean optimis bakal menempa kejayaan bersandarkan latihannya yang kini mencapai 50 peratus bersedia.

“Baki 50 peratus akan saya raih di China nanti. Lebih dua bulan berada di Negara Tembok Besar itu, pastinya saya akan 100 peratus bersedia menyahut cabaran ke penampilan sulung di sukan utama dunia, Olimpik.

“Sememangnya pemergian saya ke China adalah untuk menjalani latihan

intensif, di mana saya hanya akan ditemani jurulatih serta rakan sebanding, Nurul Arizzat Ismail.

“Apatah lagi, dari China saya dijangka diterbangkan pula ke Poland bagi menyertai Piala Dunia Sabre, yang berlangsung pada 2 Jun ini. Pastinya ia menjadi medan pemanas badan terbaik buat saya, memandangkan rata-rata lawan adalah orang sama di London kelak,” kata siswa Universiti Putra Malaysia (UPM), jurusan

Sumber Manusia itu.

Mengulas lanjut, Peang Kean, 21, berkata, dia meletakkan sasaran untuk melakukan yang terbaik sekali gus mencipta kejutan di London.

“Saya menjadi wakil tunggal lawan pedang selepas sekian lama skuad gagal ke Olimpik. Oleh itu, saya berjanji untuk lakukan yang terbaik sekali gus menaikkan lagi mutu sukan lawan pedang Malaysia di mata dunia.

“Tapi, saya juga tidak boleh memandang re-

meh cabaran lawan, khususnya jaguh dunia dari Russia, Jerman, China dan Korea,” katanya.

Peang Kean melayakan diri ke London secara merit menerusi acara sabre sekali gus menamatkan kemarau 48 tahun skuad negara gagal beraksi di Sukan Olimpik. Kelayakannya ke London berpandu kepada kiraan mata serta kedudukan tempat ke-7 dan ke-9 pada Kejohanan Asia 2010 dan 2011.